



KOD SUKAN SELAMAT

“KE ARAH PERSEKITARAN SUKAN YANG SELAMAT”

KANDUNGAN

1	TAFSIRAN -----	02
2	PENGENALAN	
	2.1 Sukan Selamat (<i>Safe Sport</i>) -----	03
	2.2 Kod Sukan Selamat -----	03
	2.3 Objektif Pembentukan Kod Sukan Selamat -----	04
3	PEMAKAIAN KOD	
	3.1 Konsep Pemakaian -----	05
	3.2 Nilai dan Amalan Baik Sukan Selamat -----	06
4	SKOP SALAH LAKU	
	4.1 Gangguan Seksual -----	07
	4.2 Salah Laku Psikologi -----	07
	4.3 Salah Laku Fizikal -----	08
	4.4 Buli -----	08
	4.5 Antun Seksual (<i>Sexual Grooming</i>) -----	08
	4.6 Salah Laku di Bawah Undang-Undang Malaysia -----	09
5	PERSEKITARAN SUKAN SELAMAT -----	10
6	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	
	6.1 Peranan dan Tanggungjawab Atlet -----	10
	6.2 Peranan dan Tanggungjawab Badan Sukan -----	11
	6.3 Peranan dan Tanggungjawab Ibu Bapa, Penjaga dan Pengiring -----	12
	6.4 Peranan dan Tanggungjawab Organisasi -----	12
	6.5 Peranan dan Tanggungjawab Jurulatih dan Pegawai Teknikal -----	13
7	PENGURUSAN ADUAN -----	13
8	MEKANISME PENGADUAN -----	14
9	KERAHSIAAN -----	15

1. TAFSIRAN

Dalam Kod ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“Aktiviti Sukan”	ertinya semua aktiviti yang berhubungan dengan sesuatu sukan, termasuklah— (a) penganjuran pertandingan, seminar, klinik atau kursus untuk sesuatu sukan; (b) penghantaran peserta ke pertandingan, atau acara sukan; dan (c) apa-apa aktiviti lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu sukan; ¹
“Badan Sukan”	ertinya sesuatu persatuan, kelab atau pertubuhan yang bertindak sebagai badan pengelola atau badan perwakilan suatu sukan di Malaysia sama ada di peringkat daerah, Negeri atau kebangsaan, sama ada atau tidak persatuan, kelab atau pertubuhan itu hanyalah anggota gabungan bagi persatuan, kelab atau pertubuhan yang lain; ²
“Kod”	ertinya Kod Sukan Selamat yang dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan;
“Komuniti Sukan”	ertinya mana-mana orang yang terlibat dalam sebarang Aktiviti Sukan seperti yang didefinisikan dalam Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576];
“Organisasi”	ertinya semua organisasi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam Aktiviti Sukan termasuk badan kerajaan, badan bukan kerajaan, syarikat dan lain-lain;
“Polisi Sukan Selamat”	ertinya Polisi Sukan Selamat yang dibangunkan oleh badan sukan untuk digunapakai dalam ekosistem sukan badan sukan tersebut selaras dengan perkara yang digariskan di bawah Kod;
“Salah Laku”	ertinya kelakuan yang digariskan dalam perenggan 4 Kod ini.

¹ Tafsiran Aktiviti Sukan adalah sebagaimana dalam seksyen 2 Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576].

² Tafsiran Badan Sukan adalah sebagaimana dalam seksyen 2 Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576].

2. PENGENALAN

Kod Sukan Selamat merupakan suatu garis panduan yang dibangunkan bagi memberi panduan mengenai persekitaran sukan yang selamat serta peranan dan tanggungjawab semua pihak dalam menangani gangguan dan penderaan dalam sukan.

2.1. SUKAN SELAMAT (*SAFE SPORT*)

- 2.1.1 Industri sukan dan Organisasi secara amnya boleh terdedah kepada pelbagai bentuk penderaan, gangguan dan keganasan termasuklah dalam bidang pendidikan, sukan dan sosial. Malaysia sebagai sebuah negara yang mendokong prinsip kesamarataan dan semangat kesukanan yang jitu, amat menitikberatkan ekosistem sukan yang selamat dan bebas daripada segala bentuk penderaan, gangguan dan keganasan.
- 2.1.2 Berdasarkan Kenyataan Konsensus Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (2016), Sukan Selamat telah didefinisikan sebagai sebuah "persekitaran sukan yang dihormati, saksama dan bebas daripada semua bentuk keganasan secara sengaja (*non accidental violence*) kepada atlet".
- 2.1.3 Kenyataan ini juga disokong oleh pihak Jawatankuasa Paralimpik Antarabangsa (2016) melalui pengiktirafan kepada *Safe Sport International Declaration*.

2.2. KOD SUKAN SELAMAT

- 2.2.1 Kementerian Belia dan Sukan ("KBS") telah menerbitkan Kod ini sebagai dokumen rujukan kepada Komuniti Sukan di Malaysia berkaitan aspek sukan selamat. Pembangunan Kod ini telah mengambil kira pandangan dan cadangan daripada pemegang taruh serta berpandukan kepada undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia serta garis panduan di peringkat antarabangsa.
- 2.2.2 Kod ini menerangkan bentuk penderaan, gangguan, keganasan dan keselamatan yang mungkin berlaku dalam persekitaran sukan merangkumi kelakuan yang tidak sesuai (*inappropriate acts*) sama ada secara seksual, psikologi dan fizikal serta peranan dan tanggungjawab semua pemegang taruh yang terlibat.
- 2.2.3 Kandungan Kod ini telah dipersetujui secara bersama oleh pemegang taruh melalui sesi libat urus yang telah diadakan. Kod ini juga telah disesuaikan dengan landskap sukan di Malaysia.
- 2.2.4 Kod ini boleh dipinda oleh KBS mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

2.3. OBJEKTIF PEMBENTUKAN KOD SUKAN SELAMAT

2.3.1 Tujuan pembentukan Kod ini adalah untuk:

- i. memberi panduan dan rujukan kepada semua Komuniti Sukan mengenai skop sukan selamat dan tanggungjawab Komuniti Sukan secara jelas dan menyeluruh;
- ii. melindungi Komuniti Sukan daripada sebarang bentuk penderaan, gangguan dan keganasan dalam sukan yang menjejaskan kesihatan mental dan fizikal;
- iii. mengukuhkan aspek integriti dalam tadbir urus Badan Sukan dan ekosistem sukan Malaysia secara keseluruhan;
- iv. memupuk dan memastikan nilai positif dalam sukan selamat diamalkan dan dilaksanakan dalam setiap Aktiviti Sukan di semua peringkat; dan
- v. mempromosi dan memberi kesedaran kepada semua Komuniti Sukan bagi mewujudkan persekitaran sukan yang selamat.

3. PEMAKAIAN KOD

3.1. KONSEP PEMAKAIAN

- 3.1.1 Kod ini adalah terpakai kepada mana-mana orang yang terlibat dalam sebarang Aktiviti Sukan.
- 3.1.2 Semua Badan Sukan bertanggungjawab dalam memastikan persekitaran sukan masing-masing adalah selamat dan kondusif.
- 3.1.3 Semua Badan Sukan perlu mengiktiraf Kod ini dan membangunkan Polisi Sukan Selamat masing-masing untuk dijadikan panduan dan rujukan oleh anggota Badan Sukan berpandukan prinsip asas yang berikut:
- i. mengenalpasti dan melantik individu yang bertanggungjawab menguruskan aduan dan mengambil tindakan bagi sebarang Salah Laku;
 - ii. melaksanakan aktiviti kesedaran dan promosi mengenai kepentingan pematuhan Kod ini;
 - iii. menjalankan latihan dan pendidikan untuk meningkatkan pemahaman berkenaan Kod ini;
 - iv. membangunkan mekanisme dalaman bagi proses penyelesaian dan pengurusan aduan;
 - v. menyediakan program sokongan dan bantuan terhadap pematuhan Kod; dan
 - vi. melaksanakan pemantauan dan advokasi dengan lebih terperinci dan secara menyeluruh.

3.2. NILAI DAN AMALAN BAIK SUKAN SELAMAT

3.2.1 Dengan menerima pakai Kod ini, mana-mana orang bersetuju dengan prinsip dan nilai berikut:

- i. **hormat (*respect*):** Menghormati semua pihak dengan tingkah laku yang baik dan melayani semua orang dengan penuh sopan dan takzim;
- ii. **bermain secara adil (*fair play*):** Bermain mengikut peraturan, jujur dan tidak melakukan sebarang penipuan;
- iii. **keselamatan (*safety*):** Mengutamakan kesejahteraan fizikal dan emosi semua pihak;
- iv. **kebersamaan (*inclusiveness*):** Mewujudkan persekitaran yang mesra dan inklusif untuk semua orang, tanpa mengira bangsa, jantina, agama atau keupayaan mereka;
- v. **tingkah laku bertanggungjawab (*responsible behaviour*):** Melaksanakan dan mengambil tindakan ke atas apa-apa perkara di bawah tanggungjawabnya;
- vi. **kerjasama berpasukan (*teamwork*):** Bekerjasama ke arah matlamat yang sama, menyokong dan menggalakkan satu sama lain;
- vii. **sokongan (*support*):** Mewujudkan persekitaran saling menyokong, menggalakkan dan membantu orang lain untuk mencapai matlamat yang baik;
- viii. **empati (*empathy*):** Memahami dan mengambil berat tentang perasaan dan kesejahteraan orang lain;
- ix. **ketelusan (*transparency*):** Bersikap terus terang, terbuka, jujur dan berintegriti; dan
- x. **penambahbaikan berterusan (*continual improvement*):** Sentiasa menyemak dan mengemas kini polisi untuk memastikan ia kekal relevan dan berkesan dalam mempromosikan sukan selamat.

4. SKOP SALAH LAKU

4.1. GANGGUAN SEKSUAL

4.1.1 Gangguan seksual boleh ditafsirkan sebagai apa-apa kelakuan tidak diingini yang bersifat seksual, dalam apa-apa bentuk, sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, isyarat atau fizikal, yang ditujukan kepada seseorang yang secara munasabahnyanya menyinggung atau menghina atau merupakan suatu ancaman kepada kesejahteraannya.³

4.2. SALAH LAKU PSIKOLOGI⁴

4.2.1 Ia merujuk kepada corak tingkah laku yang tidak betul atau tidak sepatutnya terhadap mental dan pemikiran seseorang seperti yang berikut:

- i. tindakan fizikal atau lisan yang ganas, mengancam dan menakutkan seseorang individu;
- ii. pengabaian - tidak memberi perhatian atau sokongan, tidak mengambil berat, mengabaikan, enggan membenarkan atau gagal menyediakan rawatan yang diperlukan untuk kesihatan mental atau keperluan perubatan seseorang individu. Pengabaian termasuk—
 - a. menggalakkan atau dengan sengaja membenarkan atlet yang mengalami kecederaan serius untuk kembali menyertai latihan atau pertandingan lebih awal tanpa kebenaran ahli perubatan professional (contohnya selepas seseorang atlet mengalami kecederaan yang teruk); dan
 - b. sengaja menggalakkan atau membenarkan atlet berlatih tanpa rehat yang mencukupi sehingga membahayakan fizikal dan mental mereka dan/atau bercanggah dengan cadangan pegawai perubatan;
- iii. *spurning* - perbuatan yang menolak, merendahkan, mengaibkan, memalukan atau memperlekehkan seseorang individu, terutamanya apabila berada di tempat awam; dan/atau

³ Tafsiran gangguan seksual adalah sebagaimana dalam seksyen 2 Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840].

⁴ Tafsiran kepada perkara 4.2, 4.3, 4.4 dan 4.5 adalah sebagaimana panduan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC).

- iv. mengintip (*stalking*) - bermaksud mana-mana orang yang berulang kali melakukan apa-apa perbuatan gangguan, berniat untuk menyebabkan atau mengetahui bahawa perbuatan itu mungkin menyebabkan kesusahan, ketakutan kepada orang tersebut atau keselamatannya. Mengintip juga termasuk "pengintipan siber" menggunakan media elektronik (contohnya internet dan rangkaian sosial).

4.3. SALAH LAKU FIZIKAL

- 4.3.1 Salah Laku fizikal bermaksud sebarang tingkah laku yang melibatkan sentuhan yang menyebabkan atau secara munasabah mengancam untuk menyebabkan kemudaratan fizikal kepada individu lain seperti kesalahan melibatkan sentuhan (*contact violation*) seperti menumbuk, memukul, menggigit, mencekik atau menampar orang lain termasuk dengan objek seperti peralatan sukan.

4.4. BULI

- 4.4.1 Buli bermaksud tingkah laku yang menyakiti, menganiayai atau menakuti seseorang dengan cara mendera, mengugut atau mengancam secara emosi, fizikal atau seksual.

4.5. ANTUN SEKSUAL (*SEXUAL GROOMING*)

- 4.5.1 Antun seksual bermaksud tindakan mewujudkan kepercayaan dan hubungan emosi dalam hubungan individu bagi menghasilkan persekitaran di mana individu menerima satu bentuk perhubungan yang tidak patut. Ia boleh berlaku secara fizikal atau maya.
- 4.5.2 Pengantunan boleh berlaku dalam keadaan seperti yang berikut—
 - i. menggunakan kedudukan, kuasa atau reputasi seseorang untuk menyasarkan seseorang individu;
 - ii. mewujudkan hubungan dengan seseorang bagi membina kepercayaan dan persahabatan; dan

- iii. memulakan hubungan yang tidak sesuai secara beransur-ansur melebihi sempadan persahabatan melalui komunikasi secara lisan atau fizikal seperti duduk di atas pangkuan, berkongsi bahan seksual atau berjenaka menggunakan kata-kata bersifat seksual.

4.6. SALAH LAKU DI BAWAH UNDANG-UNDANG MALAYSIA

4.6.1 Apa-apa Salah Laku yang termaktub di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia seperti yang berikut:

- i. **Kanun Keseksaan [Akta 574];**
- ii. **Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234];**
- iii. **Akta Racun 1951 [Akta 366];**
- iv. **Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840];**
- v. **Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611];**
- vi. **Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792];**
- vii. **Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685];**
- viii. **Akta Kerja 1955 [Akta 265];**
- ix. **Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576];**
- x. **Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]; dan**
- xi. **Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711].**

5. PERSEKITARAN SUKAN SELAMAT

- 5.1. Mana-mana individu tidak dibenarkan merokok, menggunakan produk tembakau atau rokok elektronik, atau mengambil minuman beralkohol semasa penganjuran atau menjalankan Aktiviti Sukan yang diluluskan atau disokong oleh KBS dan agensi dibawahnya, atau di dalam fasiliti yang dimiliki oleh KBS dan agensi di bawahnya.
- 5.2. Mana-mana individu atau Organisasi yang terlibat dalam perniagaan berkaitan produk tembakau, rokok elektronik atau minuman beralkohol tidak dibenarkan untuk menganjur, menaja, mempromosi, mengiklan, menjual, memberi sebagai hadiah, atau meletakkan cap dagangan dalam apa-apa penganjuran Aktiviti Sukan yang diluluskan atau disokong oleh KBS dan agensi dibawahnya, atau di dalam fasiliti yang dimiliki oleh KBS dan agensi di bawahnya.

6. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

6.1. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB ATLET

- 6.1.1 Atlet bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara-perkara seperti yang berikut:
 - i. memahami kandungan Kod dan Polisi Sukan Selamat yang dikeluarkan oleh Badan Sukan yang diwakili, serta memahami aplikasi dan tanggungjawab yang digariskan dalam Kod dan polisi tersebut;
 - ii. mematuhi Kod pada setiap masa dalam sebarang Aktiviti Sukan. Ini termasuk menghormati rakan sepasukan dan lawan, mengelakkan diri daripada berkelakuan negatif;
 - iii. menjadi *role model* yang baik kepada mana-mana orang dalam persekitaran sukan dengan menunjukkan tingkah laku yang selari dengan prinsip Kod ini;
 - iv. menggalakkan dan mengingatkan rakan sepasukan, jurulatih dan atlet lain untuk mematuhi Kod ini;
 - v. mengambil bahagian dalam program latihan dan pendidikan untuk menggalakkan kesedaran tentang Kod dan untuk memberikan panduan tentang cara melaporkan pelanggaran Kod serta kaedah mendapatkan bantuan; dan
 - vi. melaporkan atau menggalakkan mana-mana orang yang mengetahui berlakunya pelanggaran Kod untuk melaporkannya kepada pihak yang berkaitan.

6.2. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB BADAN SUKAN

6.2.1 Badan Sukan bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara-perkara seperti yang berikut—

- i. membangunkan Polisi Sukan Selamat yang menggariskan perkara-perkara yang perlu dipatuhi serta tanggungjawab semua atlet, jurulatih, pegawai dan pihak berkepentingan lain dalam sukan masing-masing;
- ii. mempromosi Polisi Sukan Selamat secara meluas agar anggota Badan Sukan mengetahui kewujudan dan pelaksanaan polisi;
- iii. melantik sekurang-kurangnya seorang pegawai untuk menguruskan perkara berkaitan sukan selamat;
- iv. menyediakan program latihan dan pendidikan untuk meningkatkan kesedaran tentang sukan selamat;
- v. mengurus dan menyelesaikan aduan mengenai sukan selamat menggunakan mekanisme dalaman;
- vi. mematuhi dan memantau pelaksanaan Polisi Sukan Selamat;
- vii. menyediakan sokongan dan bantuan kepada anggota Badan Sukan yang mungkin terjejas oleh penderaan, gangguan atau keganasan seperti perkhidmatan kaunseling;
- viii. bekerjasama dengan Organisasi lain seperti badan penguatkuasa undang-undang, badan kerajaan dan badan bukan kerajaan yang berkaitan;
- ix. mengemas kini Polisi Sukan Selamat supaya sejajar dengan Kod dan kekal relevan; dan
- x. menguatkuasakan Polisi Sukan Selamat melalui kaedah yang ditetapkan oleh Badan Sukan. Contohnya, memasukkan klausa pematuhan sukan selamat dalam kontrak pelantikan.

6.3. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB IBU BAPA, PENJAGA DAN PENGIRING

6.3.1 Ibu bapa, penjaga dan pengiring bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara-perkara seperti yang berikut:

- i. memahami kandungan Kod dan Polisi Sukan Selamat yang dikeluarkan oleh Badan Sukan yang dianggotai oleh anak atau individu di bawah tanggungjawab mereka;
- ii. mengajar dan menunjukkan teladan yang baik kepada anak atau individu di bawah tanggungjawab mereka;
- iii. mendorong dan mengingatkan anak atau individu di bawah tanggungjawab mereka untuk mematuhi Kod;
- iv menyertai program latihan dan pendidikan untuk meningkatkan kesedaran mengenai Kod serta memberikan panduan bagaimana untuk melaporkan pelanggaran Kod dan mendapatkan bantuan;
- v. sentiasa berkomunikasi dengan Badan Sukan dan peka mengenai perkembangan anak atau individu di bawah tanggungjawab mereka; dan
- vi. sentiasa mengawasi dan mengambil berat keadaan dan kesihatan anak atau individu di bawah tanggungjawab mereka serta mengambil tindakan yang sesuai jika mengesyaki berlakunya Salah Laku.

6.4. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB ORGANISASI

6.4.1 Organisasi bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara-perkara seperti yang berikut:—

- i. mengadaptasi Kod ini dalam tatacara atau prosedur dalaman masing-masing;
- ii. mengintegrasikan Kod ini dalam sebarang penganjuran acara atau Aktiviti Sukan dan mematuhi peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa;
- iii. menyediakan latihan, pendidikan dan kesedaran mengenai sukan selamat kepada kakitangan;
- iv. mengambil tindakan sekiranya berlaku sebarang pelanggaran Kod; dan
- v. membantu dalam menjalankan aktiviti promosi yang bersesuaian bagi memupuk persekitaran sukan selamat.

6.5. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JURULATIH DAN PEGAWAI TEKNIKAL

- 6.5.1 Jurulatih bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara-perkara seperti yang berikut—
- i. mematuhi Kod dan apa-apa peraturan yang ditetapkan oleh badan kawal selia pensijilan;
 - ii. menyertai program latihan dan pendidikan untuk meningkatkan kesedaran mengenai pelaksanaan Kod;
 - iii. menjadi contoh teladan (*role model*) yang baik kepada mana-mana orang dalam persekitaran sukan;
 - iv. mengawasi dan mengambil berat keadaan dan kesihatan atlet serta mengambil tindakan yang sewajarnya jika mengesyaki berlakunya pelanggaran Kod; dan
 - v. memastikan tiada penggunaan bahan-bahan terlarang untuk peningkatan prestasi (*performance enhancing drugs*).

7. PENGURUSAN ADUAN

- 7.1. Organisasi atau Badan Sukan, setelah menerima aduan Salah Laku, hendaklah menguruskan aduan tersebut mengikut prosedur dalaman masing-masing atau polisi yang ditetapkan oleh persekutuan antarabangsa bagi sukan tersebut.
- 7.2. Organisasi atau Badan Sukan yang tidak mempunyai prosedur dalaman bagi menguruskan aduan Salah Laku, boleh merujuk kepada contoh Polisi Sukan Selamat yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Sukan.
- 7.3. Semua aduan yang dikemukakan kepada pihak berkuasa atau Organisasi seperti di Perkara 8, Kod ini akan diselesaikan mengikut prosedur dan tatacara pihak berkuasa atau Organisasi tersebut.
- 7.4. Mana-mana orang hendaklah memaklumkan kepada pihak berkuasa dengan serta-merta jika berlaku atau disyaki terdapatnya salah laku terhadap kanak-kanak. Kegagalan untuk memaklumkan pihak berkuasa adalah suatu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan undang-undang.
- 7.5. Mana-mana orang yang mempunyai maklumat bahawa suatu laporan polis melibatkan kesalahan jenayah telah dilaporkan dan/atau suatu prosiding mahkamah telah dimulakan ke atas seseorang jurulatih atau anggota badan sukan, orang itu bolehlah memberikan maklumat itu kepada Pesuruhjaya Sukan untuk tindakan sewajarnya.

8. MEKANISME PENGADUAN

8.1. PENYALURAN ADUAN

8.1.1 Mana-mana orang yang mengalami atau menyedari Salah Laku dan berlaku sebarang pelanggaran Kod boleh membuat laporan melalui mana-mana saluran seperti yang berikut:



- i. **Polis Diraja Malaysia (PDRM)**
Balai polis yang berdekatan atau dalam keadaan kecemasan boleh hubungi talian 999



- ii. **Badan Sukan**
(Telefon, e-mel dan alamat badan sukan boleh dirujuk di laman sesawang Pejabat Pesuruhjaya Sukan, <https://pps.kbs.gov.my>)
Telefon : 03 8994 4800



- iii. **Majlis Olimpik Malaysia**
Telefon : 03 2715 2810
Emel : whistleblowing@olympic.org.my



- iv. **Majlis Paralimpik Malaysia**
Telefon : 03 9201 0350
Emel : info@paralympic.org.my



- v. **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**
a) Talian Kasih / 15999 / 019-2615999 (whatsapp)
b) Tribunal bagi Antinggguan Seksual
(maklumat lanjut akan dikemas kini)



- vi. **Kementerian Pendidikan**
Telefon : 03 9201 0350
Emel : adukpm@moe.gov.my
Pautan : <https://moe.spab.gov.my>




- vii. **Kementerian Belia dan Sukan**
Telefon : 03 8871 3498
Pautan : <https://kbs.spab.gov.my>

- 8.1.2 Aduan yang dikemukakan hendaklah mengandungi maklumat Salah Laku dan pelanggaran Kod, berserta bukti dan dokumen sokongan yang berkaitan, sekiranya ada.
- 8.1.3 Aduan yang melibatkan Salah Laku fizikal dan unsur jenayah hendaklah dilaporkan kepada PDRM serentak dengan prosedur dalaman Badan Sukan berkenaan.

9. KERAHSIAAN

- 9.1. Privasi semua pihak yang terlibat haruslah dihormati dan dilindungi dengan mengimbangi keperluan untuk mengumpul maklumat bagi menilai laporan dan mengambil langkah menangani Salah Laku tersebut.
- 9.2. Semua dokumen dan bukti yang berkaitan dengan Salah Laku adalah sulit dan tidak boleh didedahkan, kecuali bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

NOTA



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

MINISTRY OF YOUTH AND SPORTS

Menara KBS, 27, Persiaran Perdana,

Presint 4, 62570 Putrajaya

www.kbs.gov.my

Kod Sukan Selamat

Edisi Ketiga 2024

 **KBSMALAYSIA**